

## RELEVANTASI ILMU MAKKI DAN MADANI TERHADAP SYARIAH: ANALISIS TERHADAP PERKATAAN “جَهَنَّمُ” DALAM AL-QURAN

Muhammad Aizat Syimir bin Rozani

[aizatsyimir@kuis.edu.my](mailto:aizatsyimir@kuis.edu.my)

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

Mohd Farouq Nukman bin Zamri

[farouqnukman@usas.edu.my](mailto:farouqnukman@usas.edu.my)

Universiti Sultan Azlan Shah (USAS)

Ahmad bin Ismail

[ahmadbinismail23@gmail.com](mailto:ahmadbinismail23@gmail.com)

Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA)

### ABSTRAK

*Ilmu Syariah merupakan warisan agama yang diwarisi secara turun temurun melalui peninggalan para ulama. Namun, ilmu-ilmu ini perlu diselaraskan dengan peredaran zaman yang penuh dengan perubahan bagi memastikan relevansinya. Misalnya ilmu Makki dan Madani yang merupakan di antara cabang Ulum Al-Quran. Maka, ilmu ini perlu dibincangkan dengan lebih luas dan tidak terhad kepada pembahagian surah sama ada kategori Makki atau Madani. Bahkan ia perlu dilihat atas neraca syariah dengan melihat perkembangan sesuatu syariat melalui ayat Makkiyyah dan Madaniyyah. Untuk menilai relevansasi ilmu Makki dan Madani, pensyariatan Jihad yang terdapat di dalam ayat-ayat Makkiyyah dan Madaniyyah akan dijadikan sebagai sampel kajian yang akan dianalisis dan dinilai daripada sudut perubahan maknanya seiring dengan waktu dan tempat ia diturunkan. Metodologi yang digunakan dalam kajian ini adalah berbentuk kualitatif. Hasil kajian mendapati bahawa wujudnya evolusi terhadap sesuatu syariat melalui peredarannya daripada ayat Makkiyyah ke Madaniyyah. Hal ini amat sesuai diteliti dan dikaji agar setiap syariat yang diturunkan oleh Allah SWT dapat difahami dengan baik dan menepati maqasid yang ditentukan oleh Allah SWT.*

**Kata kunci:** Relevantasi, Makki, Madani, Syariah, Jihad.

### 1. Pendahuluan

Ilmu *Makki* dan *Madani* merupakan di antara salah satu topik perbahasan yang terdapat dalam Ulum al-Quran. Jika ditelusuri kitab-kitab tradisional, kita dapat lihat perbincangannya berlebar di dalam ruang lingkup pendefinisian, metode ulama dalam mengenali *Makki* dan *Madani*, ciri-ciri dan gaya bahasa surah-surah *Makkiyyah* dan *Madaniyyah*, klasifikasi surah-surah *Makkiyyah* dan *Madaniyyah* serta kepentingan mempelajari Ilmu *Makki* dan *Madani* (al-Zarkasyi, 1953, al-Suyuti,

1974 & al-Zarqani, 1943). Ilmu-ilmu tradisional Islam ini merupakan satu warisan agama yang perlu dipelihara serta dihidupkan sesuai dengan peredaran zaman dan ia adalah apa yang dimaksudkan dengan merelevantasikan ilmu-ilmu Islam.

Usaha merelevantasikan ilmu Syariah ini jauh sekali bererti untuk mengubah atau menukar perkara-perkara *qath'ie* yang sudah sedia maklum tidak boleh diubah dan menjadi pegangan umum umat Islam seperti isu akidah dan yang berkaitan. Namun pembaharuan yang dimaksudkan adalah pada sudut interaksi dengan ilmu-ilmu ini. Hal ini dapat direalisasikan dengan kita merujuk semula kepada usul agama islam itu sendiri serta mengadaptasikannya sesuai dengan kehidupan manusia zaman sekarang. Umat Islam perlu mempraktikkan apa yang dipelajari, membetulkan salah faham yang berlaku serta menyelesaikan permasalahan-permasalahan yang timbul berpandukan al-Quran dan Sunnah (Saif al-Din Abd al-Fattah, tt). Justeru, usaha ini akan membawa pandangan serta pemahaman yang syumul serta holistik terhadap nas-nas syara' serta bertepatan dengan Maqasid Syariah yang dimaksudkan oleh Allah SWT.

## 2. Ilmu Makki dan Madani

### 2.1 Definisi Makki dan Madani

Al-Suyuti (1974) mengatakan bahawa para ulama terbahagi kepada tiga pendapat dalam memahami *al-Makki* dan *al-Madani*. Pendapat yang paling masyhur menyatakan bahawa *al-Makki* adalah apa-apa ayat atau surah yang diturunkan sebelum hijrah Nabi Muhammad SAW ke Madinah manakala *al-Madani* adalah apa yang diturunkan selepas penghijrahan, sama ada ianya diturunkan di Madinah mahupun di Mekah, pada tahun pembukaan Kota Mekah mahupun pada tahun *hajj al-Wada'* dan walaupun ianya diturunkan pada mana-mana siri permusafiran baginda Rasulullah SAW.

Pendapat kedua pula berpendapat bahawa *al-Makki* adalah apa-apa ayat atau surah yang diturunkan di Mekah walaupun proses penurunan tersebut berlaku selepas penghijrahan Baginda SAW manakala *al-Madani* adalah apa yang diturunkan di Madinah.

Manakala pendapat ketiga berpendapat bahawa *al-Makki* adalah apa yang ditujukan kepada penduduk Mekah manakala *al-Madani* adalah apa yang ditujukan kepada penduduk Madinah.

Sekiranya diteliti ketiga-tiga pandangan tersebut, dapat disimpulkan bahawa pendapat pertama merupakan pendapat yang paling rajih serta menjadi pegangan majoriti ulama (Fadhal Hassan Abbas, 1997). Hal ini kerana, pendefinisian *al-Makki* dan *al-Madani* daripada sudut masa ia diturunkan adalah lebih holistik dan mencakupi ayat-ayat yang diwahyukan oleh Allah SWT. Manakala pendapat kedua tertolak sama sekali kerana terdapat ayat-ayat al-Quran yang diturunkan di tempat selain Mekah dan Madinah. Kelompongan yang sama juga terdapat pada pendapat ketiga

kerana terdapat ayat-ayat al-Quran yang ditujukan kepada selain masyarakat Mekah atau masyarakat Madinah.

## 2.2 Metode Ulama dalam mengenalpasti ayat Makkiyyah dan Madaniyyah

Abu Bakar al-Baqilani (2001) menjelaskan bahawa tidak terdapat arahan yang jelas daripada Nabi SAW tentang pembahagian ayat *Makki* dan *Madani*. Malah ia sama sekali tidak menjadi satu kefardhuan yang mesti diketahui oleh semua muslim. Namun, para sahabat tetap mengambil cakna terhadap isu tersebut sehingga terdapat riwayat hadis daripada Ibn Mas'ud pernah berkata: “Tidaklah turun sesuatu ayat daripada Kitab Allah melainkan aku tahu kerana apa ia diturunkan dan dimana ianya diturunkan”. (Sahih Muslim (2006): Kitab *Fadhill al-Sahabah*, Bab *Min Fadhill Abdillah bin Mas'ud wa Ummihi Radhiya Allah Taala 'Anhuma*).

Justeru, para ulama telah bersepakat bahawa riwayat yang sahih daripada para sahabat dan tabien adalah sumber paling utama dalam mengenali ayat-ayat *Makkiyyah* dan *Madaniyyah* (al-Suyuti, 1974, Fadhal Hassan Abas, 1997 & Faruq Nubhan, 2005) dan ia dinamakan *al-Manhaj al-Sama'i al-Naqli*. Sebagai contoh sebahagian sahabat ada memberi komentar terhadap surah-surah tertentu dengan mengatakan: “Surah ini turun sebelum hijrah”.

Metode kedua pula dinamakan oleh para ulama sebagai *al-Manhaj al-Qiyasi al-Ijtihadi*. Pada metode ini, ayat-ayat *Makkiyyah* dan *Madaniyyah* dikenali melalui ciri-ciri sepunya mereka. Ciri-ciri ini pada asalnya diketahui melalui ijтиhad berbentuk *istiqra'* yang mana hasil akhirnya membawa kepada penemuan ciri-ciri sepunya yang dimiliki oleh ayat-ayat yang diturunkan di Mekah dan juga ayat-ayat yang diturunkan di Madinah.

Perkara ini turut ditegaskan oleh Subhi Saleh (2000) apabila beliau turut menyatakan bahawa kebanyakan perincian *Makkiyah* dan *Madaniyyah* diketahui dengan cara ijтиhad. Beliau turut meletakkan akal serta qiyas di taraf *naql* dan *sama'* pada sudut kemampuan menetapkan sesuatu ilmu. Oleh kerana penelitian ulama yang mendalam terhadap sudut *Makki* dan *Madani*, mereka mampu mengetahui ciri-ciri ayat *Makki* dan *Madani* yang sepunya bahkan membezakan ayat *Makkiyyah* yang mempunyai ciri-ciri *Madaniyyah* dan sebaliknya.

## 2.3 Ciri-ciri surah *Makkiyyah* dan *Madaniyyah*

Ciri-ciri surah *Makkiyyah* dan *Madaniyyah* dapat dilihat daripada dua sudut pandang iaitu sudut lafadz dan sudut tema ayat. Kedua-duanya mempunyai banyak perbezaan yang mampu dilihat dengan jelas sekaligus membuktikan bahawa al-Quran diturunkan sesuai dengan persekitaran ketika itu dan pendengar utamanya.

Pada sudut lafadz, al-Suyuti (1974) mengatakan bahawa hanya ayat *Makkiyyah* sahaja yang mengandungi perkataan “لَا كَلَامٌ”. Beliau dan al-Zarkasyi (1953) juga meriwayatkan bahawa ayat

“يَأَيُّهَا الَّذِينَ أَمْنَوْا” “يَأَيُّهَا النَّاسُ” juga menunjukkan sesuatu ayat itu ialah *Makkiyyah* manakala ayat “يَأَيُّهَا النَّاسُ” merupakan di antara ciri-ciri ayat *Madaniyyah*. Namun mereka bersetuju bahawa ciri-ciri ini adalah kebiasaan dan bukan kemestian. Hal ini kerana terdapat ayat “يَأَيُّهَا النَّاسُ” juga boleh didapati di dalam surah *Madaniyyah*.

Selain daripada itu, terdapat satu karakter yang kebiasaannya hanya dimiliki oleh surah *Makkiyyah* iaitu bermulanya surah tersebut dengan huruf *al-Tahajji* kecuali surah al-Baqarah dan Alu Imran. Walaupun kedua-dua surah ini dimulakan dengan huruf *al-Tahajji*, ia tetap dikategorikan sebagai surah *Madaniyyah* (al-Zarkasyi, 1957). Namun terdapat khilaf pada surah al-Ra’d, ia bermula dengan huruf *al-Tahajji* namun ada yang berpendapat bahawa ia adalah surah *Madaniyyah*. Menurut Subhi Salleh (2000), surah al-Ra’d adalah *Makkiyyah* melalui pemerhatiannya terhadap gaya bahasa dan idea yang dikandung surah itu.

Seterusnya, gaya bahasa surah *Makkiyyah* dapat dikenalpasti melalui ringkasnya ayat dan banyaknya sumpah manakala ayat surah *Madaniyyah* kebiasaannya lebih panjang dan kurang bersumpah (Subhi Salleh, 2000). Antara ciri-ciri lain surah *makkiyyah* adalah keberadaan ayat sejadaht dalamnya (al-Suyuti, 1974).

Manakala berdasarkan tema ayat, surah *Makkiyyah* banyak menceritakan tentang kisah para nabi dan umat terdahulu, azab, serta kisah Adam dan Iblis. Namun terdapat juga surah *Madaniyyah* yang mengandungi kisah Adam dan Iblis iaitu surah al-Baqarah (al-Zarkasyi, 1957 & al-Suyuti, 1974). Kemudian, surah-surah *makkiyyah* terarah kepada pembinaan akidah yang betul dan pengenalan kepada akhlak yang baik (al-Suyuti, 1974 & Subhi Salleh, 2000) walhal surah *Madaniyyah* pula lebih memfokuskan kepada penerangan tentang kewajipan dan hukuman (al-Zarkasyi, 1957 & al-Suyuti, 1974) serta perkara-perkara sunat.

Antara tema surah *Madaniyyah* juga ia menceritakan tentang perihal orang munafik (al-Zarkasyi, 1957). Namun, surah al-Ankabut dikategorikan oleh para ulama sebagai surah *Makkiyyah* walaupun ia ada menyentuh perihal golongan munafik pada sebelas ayat pertamanya. Muhammad Bakar Ismail (2002) menyatakan bahawa sebenarnya sebelas ayat tersebut merupakan *Madaniyyah* manakala baki selain ayat tersebut merupakan *Makkiyyah*.

Seterusnya, ayat-ayat *Makkiyyah* sering menyentuh isu perdebatan bersama golongan Musyrikin Mekah manakala ayat-ayat *Madaniyyah* tertumpu kepada perdebatan bersama ahli kitab (Subhi Salleh, 2000). Ayat *Makkiyyah* juga bertemakan kritikan terhadap maksiat yang dilakukan oleh masyarakat arab dan adat-adat buruk ketika itu seperti saling bunuh-membunuh, menimbulus anak perempuan hidup-hidup serta memakan harta anak yatim. Ayat *Madaniyyah* pula menonjol daripada sudut penerangan tentang hukum secara terperinci seperti hukum pewarisan dan hukum muamalat harta seperti riba. Ia juga telah mengizinkan jihad dalam Islam yang sebelum ini belum

disyariatkan di Mekah dan menerangkan sebab-sebab kemenangan dan kekalahan (Faruq al-Nubhan, 2005).

Disebalik ciri-ciri dan tema yang telah digariskan oleh para ulama ini, menurut al-Suyuti (1974) dan Abd Azim al-Zarqani (1943), beberapa ayat *Makkiyyah* boleh jadi mengandungi ciri-ciri seakan ciri-ciri ayat *Madaniyyah* dan begitu juga sebaliknya. Oleh itu, tidak wajar untuk seseorang menghukum sesuatu ayat sebagai *Makkiyyah* atau *Madaniyyah* berdasarkan kewujudan salah satu ciri-cirinya semata-mata bahkan perlulah meneliti riwayat yang ada dan sebab turunnya ayat itu.

### **3. Relevantasi Ilmu Makki dan Madani Terhadap Syariah**

Antara kerelevan ilmu *Makki* dan *Madani* terhadap syariah adalah supaya dapat mengetahui ayat yang *Nasikh* dan *Mansukh* (al-Zarkasyi, 1957). Ini dapat dilihat apabila wujud dua ayat yang menerangkan tentang masalah yang sama dengan hukum yang berbeza, maka jika salah satunya ialah *Madani* maka ianya akan diiktibar sebagai *nasikh* kepada ayat *Makki*. Hal ini kerana ayat *Madaniyyah* sekiranya difahami dalam konteks definisi yang paling rajih turun selepas ayat *Makkiyyah* (al-Zarqani, 1943). Oleh kerana itu, kebanyakan hukum yang dimansuhkan adalah hukum pada ayat *Makkiyyah* dan kebanyakan ayat yang memansuhkannya adalah ayat *Madaniyyah* (Ibn Hazm, 1986). Sebagai contoh, ayat *Makkiyyah* untuk tidak menghiraukan orang kafir yang mengambil lewa agama mereka pada surah al-An'am ayat 70 telah dimansuhkan dengan ayat peperangan pada surah al-Taubah ayat 5 atau ayat 29 (Ibn Hazm, 1986 & al-Qurtubi, 2006). Malah, al-Suyuti (1974) turut menyebut bahawa ilmu ini juga penting untuk diketahui oleh para mujtahid bagi mengenali *mukhossos* bagi yang berpendapat harusnya turun ayat *mukhossos* selepas turun lafaz am.

Dari pada pengetahuan tentang *Makkiyyah* dan *Madaniyyah* juga, umat Islam dapat mengetahui sejarah pensyariatan dan sifat *al-Tadarruj* (berperingkat/beransur) padanya yang boleh menimbulkan keimanan dalam diri tentang kemuliaan sistem Islam dalam setiap pensyariatan (al-Zarqani, 1943). Melalui sejarah pensyariatan ini, umat Islam dapat melihat perkembangan pensyariatan hukum-hukum dalam Islam yang mana ianya bermula dari yang ringan kepada yang lebih berat dan dari pengenalan usul kepada penerangan furu' (Muhammad Bakar Ismail, 2002). Ia juga secara tidak langsung dapat membantu kefahaman terhadap teks al-Quran. Hal ini kerana ilmu tersebut memberi maklumat terhadap persekitaran ketika mana turunnya sesuatu ayat sekaligus membolehkan seseorang mengeluarkan sebuah manhaj dakwah yang bersesuaian dengan al-Quran daripada sudut penyampaian serta menghasilkan kefahaman bertepatan dengan Maqasid Syariah yang dikehendaki oleh Allah SWT (Faruq al-Nubhan, 2005).

Ilmu *Makki* dan *Madani* juga dapat menimbulkan keyakinan seseorang terhadap al-Quran dan keasliannya. Hal ini kerana sifat cakna serta kritis para ulama demi untuk menjaga kesucian dan keaslian al-Quran dapat dilihat melalui ilmu-ilmu dan garis panduan yang digariskan oleh para ulama seperti *Makki* dan *Madani*, mengetahui *Asbab al-Nuzul*, mengetahui ayat pertama dan terakhir yang turun serta topik-topik lain yang berkaitan. Justeru, dengan penjagaan dan kawalan kualiti yang serius ini tidak memungkinkan berlakunya penyelewangan terhadap teks mahupun konteks al-Quran itu sendiri (al-Zarqani, 1943).

#### 4. Jihad

##### 4.1 Definisi Jihad Pada Sudut Bahasa

Ibn Faris (1979) merekodkan di dalam *mu'jam*-nya bahawa perkataan yang terbina daripada 3 komponen huruf “جَهَادٌ” وَالْمَاءِ وَالدَّالِ” asalnya digunakan untuk maksud “kepayahan” dan yang berkait dengannya. Ia kemudiannya digunakan dengan pelbagai keadaan seperti berusaha, kekuatan, melampau dan lain-lain lagi (Ibn Manzur, 1994). Manakala “جَهَادٌ” pula merupakan masdar bagi kata kerja “جَاهَدَ - يُجَاهِدُ”.

Justeru, perkataan *al-Jihad*, meskipun daripada sudut bahasa ia berasal daripada penggunaan masyarakat arab, namun daripada sudut penggunaan ia datang dengan maksud yang tersendiri seperti yang dipamerkan oleh Allah SWT melalui kalam-Nya dan Nabi SAW melalui hadisnya dengan makna yang tidak pernah digunakan oleh masyarakat arab. Oleh itu, *al-Jihad* daripada sudut bahasa membawa maksud “berusaha dan bersungguh-sungguh dalam mencapai apa-apa yang dituju” (Abd al-Rahman Bukili, 2015).

##### 4.2 Definisi Jihad Pada Sudut Istilah

Para ulama sama ada tradisional mahupun kontemporari mendefinisikan *al-Jihad* dengan pelbagai konsep bersesuaian dengan kecenderungan mereka daripada sudut kepakaran mahupun kefahaman.

Para leksikologi mendefinisikan jihad dengan merujuk terus kepada makna yang digunakan di dalam al-Quran dan Hadis. Misalnya Al-Raghib al-Asfahani (1991) dan Abd al-Rauf al-Manawi (1990) berpendapat bahawa Jihad bermaksud berusaha dalam menentang musuh. Mereka juga membahagikan Jihad kepada tiga bahagian; Jihad memerangi musuh yang jelas, Jihad melawan syaitan dan Jihad melawan nafsu. Hal ini menjelaskan bahawa perkataan jihad tidak hanya bermaksud perperangan semata-mata bahkan apa-apa jenis usaha yang dizahirkan untuk mencapai sesuatu kehendak dianggap sebagai jihad. Perkara ini dikuatkan lagi dengan definisi yang dibawakan oleh Ibnu al-Athir (1979) apabila beliau berpendapat bahawa jihad boleh

melibatkan perperangan dan bukan perperangan atau yang melibatkan kata-kata dan perbuatan. Begitu juga al-Jurjani (1979) yang memandang Jihad sebagai satu dakwah kepada kebenaran dan tidak terhad kepada perperangan sahaja.

Para fuqaha pula apabila mendefinisikan Jihad cenderung untuk memfokuskan terus kepada perihal perperangan. Hal ini kerana ia merupakan skop yang dibincangkan oleh mereka berbanding memfokuskan kepada skop Jihad melawan nafsu yang menjadi keutamaan para ulama tasawwuf. Misalnya definisi yang diutarakan oleh ‘Alaa al-Din al-Kasani al-Hanafi (1982), Abu al-Hasan al-Syazuli al-Maliki (1991), Abu Bakar al-Dumyati al-Syafie (1997) dan Burhan al-Din Ibn Muflih al-Hanbali (2003). Kesemuanya merujuk kepada perperangan di jalan Allah SWT atau perperangan memerangi musuh Allah SWT demi menegakkan syariat Islam.

Manakala para ulama kontemporari pula membahagikannya kepada dua bahagian; Jihad am yang bermaksud berusaha atau berdakwah demi untuk mendapatkan apa yang direhdai oleh Allah SWT serta menjauhi larangannya dan Jihad khas yang bermaksud memerangi orang Musyrikin yang menentang agama Allah SWT (Abd al-Salam al-Sahimi, 2008 & Muhammad Hasan Sa’id Banjar, t.t)

Justeru, dirumuskan di sini, definisi jihad seperti yang digunakan di dalam al-Quran serta hadis nabi iaitu “Berusaha dalam membantu agama Allah SWT sama ada melalui cara belajar dan mengajar ajaran Islam, beramal dengannya, berdakwah kepadanya serta mempertahankannya daripada para penentang Islam dengan cara yang diperintahkan oleh Allah SWT.” (Abd al-Rahman Bukili, 2015)

#### 4.3 Perkataan Jihad di dalam Al-Quran

Setelah diekstrak perkataan yang berasal daripada “الْجَاهِيْمُ وَالْمَاهِيْنُ وَالْمَاهِيْلُ”, didapati bahawa ia terdapat di dalam al-Quran sebanyak 41 tempat dalam lima bentuk:

- 27 tempat dalam bentuk kata kerja **جَاهَدَ**
- 4 tempat dalam bentuk kata nama **جَهَادٌ**
- 1 tempat dalam bentuk kata nama **جَهَدٌ**
- 5 tempat dalam bentuk kata nama **جَهَدٌ** (Keluar daripada topik perbincangan)
- 4 tempat dalam bentuk kata nama **جَاهِيْدِيْنَ**

Terdapat 11 tempat penggunaan perkataan yang berasal daripada kalimah “الْجِيمُ وَالْهَاءُ وَالْدَّالُ” di dalam surah-surah *Makkiyyah* mengikut turutan seperti berikut:

BIL	PERKATAAN	NAS AL-QURAN	SURAH	NO. AYAT
1	جاهد	فَلَا تُطِعُ الْكُفَّارِيْنَ وَجَهَدُهُمْ بِهِ جِهَادًا كَبِيرًا ﴿٥٦﴾	الفرقان	52
2	جهاد	فَلَا تُطِعُ الْكُفَّارِيْنَ وَجَهَدُهُمْ بِهِ جِهَادًا كَبِيرًا ﴿٥٦﴾	الفرقان	52
3	جهد	وَاقْسُمُوا بِاللَّهِ جَهَدَ أَيْمَانِهِمْ لِئَنْ جَاءَهُمْ نَذِيرٌ لَيَكُونُنَّ أَهْدَى مِنْ إِحْدَى الْأَمْمَاتِ فَلَمَّا جَاءَهُمْ نَذِيرٌ مَا رَأَهُمْ إِلَّا نُفُورًا ﴿٤٦﴾	فاطر	42
4	جهد	وَاقْسُمُوا بِاللَّهِ جَهَدَ أَيْمَانِهِمْ لِئَنْ جَاءَتْهُمْ عَايَةٌ لَيَوْمِئِنَّ يَهَا قُلْ إِنَّمَا الْآيَتُ عِنْ دُّنْلَهُ وَمَا يُشَرِّكُهُمْ أَنَّهَا إِذَا جَاءَتْ لَا يُؤْمِنُونَ ﴿٦٦﴾	الأنعام	109
5	جاهدا	وَإِنْ جَهَدُكُمْ عَلَى أَنْ تُشْرِكُوكُمْ بِمَا لَا يَسِّرُ لَكُمْ بِهِ عِلْمٌ فَلَا تُطِعُهُمَا وَصَاحِبُهُمَا فِي الدُّنْلَهِ مَعْرُوفٌ وَاقْتِيْعُ سَبِيلٌ مِنْ أَنَابٍ إِلَى مُثْمِنٍ إِلَى مَرْجِعُكُمْ فَأُنْتُمُ كُلُّكُمْ بِمَا كُنْتُمْ تَعْمَلُونَ ﴿١٥﴾	لقمان	15
6	جهد	وَاقْسُمُوا بِاللَّهِ جَهَدَ أَيْمَانِهِمْ لَا يَبْغُثُ اللَّهُ مَنْ يَمُوتْ بِأَيْ وَعْدًا عَلَيْهِ حَقًّا وَلَكِنَّ أَكْثَرَ النَّاسِ لَا يَعْلَمُونَ ﴿٣٨﴾	النحل	38
7	جاهموا	ثُمَّ إِنَّ رَبَّكَ لِلَّذِينَ هَاجَرُوا مِنْ بَعْدِ مَا فُتُنُوا ثُمَّ جَهَدُوا وَصَبَرُوا إِنَّ رَبَّكَ مِنْ بَعْدِهَا لَغَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿١١٠﴾	النحل	110
8	جاهد	وَمَنْ جَهَدَ فَإِنَّمَا يُجْزِيهُ لِنَفْسِهِ إِنَّ اللَّهَ لَغَنِيٌّ عَنِ الْعَالَمِيْنَ ﴿٦﴾	العنكبوت	6
9	يجهاد	وَمَنْ جَهَدَ فَإِنَّمَا يُجْزِيهُ لِنَفْسِهِ إِنَّ اللَّهَ لَغَنِيٌّ عَنِ الْعَالَمِيْنَ ﴿٦﴾	العنكبوت	6
10	جاهدا	وَوَصَّيْنَا الْإِنْسَانَ بِوَلَيْتِهِ حُسْنًا وَإِنْ جَهَدَكُمْ لِتُشْرِكُوكُمْ بِمَا لَا يَسِّرُ لَكُمْ فَأُنْتُمُ كُلُّكُمْ بِمَا كُنْتُمْ تَعْمَلُونَ ﴿٨﴾	العنكبوت	8
11	جاهموا	وَالَّذِينَ جَهَدُوا فِيْنَا لَتَهْدِيَنَّهُمْ سُبْلًا وَإِنَّ اللَّهَ لَعَلَّ الْمُخْسِنِيْنَ ﴿٦٩﴾	العنكبوت	69

Jadual 1: Kalimah yang berasal daripada “الْجِيمُ وَالْهَاءُ وَالْدَّالُ” dalam surah-surah *Makkiyyah*

Manakala di dalam surah-surah *Madaniyyah* pula, terdapat 30 tempat penggunaan perkataan yang berasal daripada kalimah “الجِيمُ وَالْمَاءُ وَالدَّالُ” dengan mengikut turutan seperti berikut:

BIL	PERKATAAN	NAS AL-QURAN	SURAH	NO. AYAT
1	جاهموا	إِنَّ الَّذِينَ ءامَنُوا وَالَّذِينَ هَاجَرُوا وَجَهَدُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ أُولَئِكَ يَرْجُونَ رَحْمَتَ اللَّهِ وَاللَّهُ عَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿٦٨﴾	البقرة	218
2	جاهموا	إِنَّ الَّذِينَ ءامَنُوا وَهَاجَرُوا وَجَهَدُوا بِأَمْوَالِهِمْ وَأَنْفُسِهِمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَالَّذِينَ ءاَوَوْا وَنَصَرُوا أُولَئِكَ بَعْضُهُمُ أُولَئِكَ بَعْضٌ وَالَّذِينَ ءامَنُوا وَلَمْ يُهَاجِرُوا مَا لَكُمْ وَلَمْ يَرِيدهِمْ مِنْ شَيْءٍ حَقَّ إِلَيْهِمْ قُرْبَتُ الْأَنْصَارٍ إِلَّا عَلَى قَوْمٍ يَعْلَمُ كُمْ وَبَيْنَهُمْ مِيقَاتٌ وَاللَّهُ يَعْلَمُ بِمَا تَعْمَلُونَ بَصِيرٌ ﴿٧١﴾	الأنفال	72
3	جاهموا	وَالَّذِينَ ءامَنُوا وَهَاجَرُوا وَجَهَدُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَالَّذِينَ ءاَوَوْا وَنَصَرُوا أُولَئِكَ هُمُ الْمُؤْمِنُونَ حَقًا لَهُمْ مَغْفِرَةٌ وَرِزْقٌ كَرِيمٌ ﴿٧٦﴾	الأنفال	74
4	جاهموا	وَالَّذِينَ ءامَنُوا مِنْ بَعْدِ وَهَاجَرُوا وَجَهَدُوا مَعَهُمْ فَأُولَئِكَ مِنْكُمْ وَأُولُوا الْرَحْمَةِ بَعْضُهُمُ أُولَئِكَ بَعْضٌ فِي كِتَابِ اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ يُكَلِّ شَيْءٍ عَلَيْمٌ ﴿٩٥﴾	الأنفال	75
5	جاهموا	أَمْ حَسِبُتُمْ أَنْ تَدْخُلُوا الْجَنَّةَ وَلَا يَعْلَمُ اللَّهُ الَّذِينَ جَهَدُوا مِنْكُمْ وَيَعْلَمُ الصَّابِرِينَ ﴿١٤٢﴾	آل عمران	142
6	جهاد	يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءامَنُوا لَا تَتَخَذُوا عَدُوِّي وَعَدُوكُمْ أُولَئِكَ تُلْقَوْنَ إِلَيْهِم بِالْمَوْدَةِ وَقَدْ كَفَرُوا بِمَا جَاءَكُمْ مِنْ أَخْرَى يُخْرِجُونَ الرَّسُولَ وَإِيَّاهُمْ أَنْ تُؤْمِنُوا بِاللَّهِ رَبِّكُمْ إِنْ كُنْتُمْ حَرَجْتُمْ جَهَدًا فِي سَبِيلِ وَأَبْيَاعَةِ مَرْضَاتِي تُبَرُّونَ إِلَيْهِم بِالْمَوْدَةِ وَأَنَا أَعْلَمُ بِمَا أَحْفَيْتُمْ وَمَا أَعْلَمُ بِمَا يَفْعَلُهُ مِنْكُمْ فَقَدْ ضَلَّ سَوَاءً أَسَيْلِ ﴿١﴾	المتحنة	1
7	المجاهدون	لَا يَسْتَوِي الْقَعِيدُونَ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ غَيْرُ أُولَئِكَ الظَّرَرُ وَالْمُجَاهِدُونَ فِي سَبِيلِ اللَّهِ بِأَمْوَالِهِمْ وَأَنْفُسِهِمْ فَضْلَ اللَّهِ الْمُجَاهِدِينَ بِأَمْوَالِهِمْ وَأَنْفُسِهِمْ عَلَى الْقَعِيدِينَ دَرَجَةٌ وَكُلَّا وَعَدَ اللَّهُ الْخَسْنَى وَفَضْلَ اللَّهِ الْمُجَاهِدِينَ عَلَى الْقَعِيدِينَ أَجْرًا عَظِيمًا ﴿٩٥﴾	النساء	95
8	المجاهدين	لَا يَسْتَوِي الْقَعِيدُونَ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ غَيْرُ أُولَئِكَ الظَّرَرُ وَالْمُجَاهِدُونَ فِي سَبِيلِ اللَّهِ بِأَمْوَالِهِمْ وَأَنْفُسِهِمْ فَضْلَ اللَّهِ الْمُجَاهِدِينَ بِأَمْوَالِهِمْ وَأَنْفُسِهِمْ عَلَى الْقَعِيدِينَ دَرَجَةٌ وَكُلَّا وَعَدَ اللَّهُ الْخَسْنَى وَفَضْلَ اللَّهِ الْمُجَاهِدِينَ عَلَى الْقَعِيدِينَ أَجْرًا عَظِيمًا ﴿٩٥﴾	النساء	95
9	المجاهدين	لَا يَسْتَوِي الْقَعِيدُونَ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ غَيْرُ أُولَئِكَ الظَّرَرُ وَالْمُجَاهِدُونَ فِي سَبِيلِ اللَّهِ بِأَمْوَالِهِمْ وَأَنْفُسِهِمْ فَضْلَ اللَّهِ الْمُجَاهِدِينَ بِأَمْوَالِهِمْ وَأَنْفُسِهِمْ عَلَى الْقَعِيدِينَ دَرَجَةٌ وَكُلَّا وَعَدَ اللَّهُ الْخَسْنَى وَفَضْلَ اللَّهِ الْمُجَاهِدِينَ عَلَى الْقَعِيدِينَ أَجْرًا عَظِيمًا ﴿٩٥﴾	النساء	95

10	المجاهدين	وَلَنْ يُلْهِنُكُمْ حَتَّىٰ تَعْمَمُ الْمُجَاهِدِينَ مِنْكُمْ وَالصَّدِيرِينَ وَنَبْلُو أَخْبَارُكُمْ ⑥	محمد	31
11	جهاد	وَأَقْسَمُوا بِاللَّهِ جَهَدَ أَيْمَنِهِمْ لَيْخُرُجُنَّ فُلْ لَا تُقْسِمُ طَاغِيَةٌ مَعْرُوفَةٌ إِنَّ اللَّهَ خَيْرٌ بِمَا تَعْمَلُونَ ⑦	النور	53
12	جاهدوا	وَجَاهُدُوا فِي اللَّهِ حَقَّ جِهَادِهِ هُوَ أَجْتَبَنَكُمْ وَمَا جَاءَ عَلَيْكُمْ فِي الَّذِينَ مِنْ حَرَجٍ مَلَأَهُمْ إِبْرَاهِيمُ هُوَ سَمَّانَكُمُ الْمُسْلِمِينَ مِنْ قَبْلُ وَفِي هَذَا لِيَكُونُ الرَّسُولُ شَهِيدًا عَلَيْكُمْ وَتَكُونُو شَهِيدَاءَ عَلَى النَّاسِ فَاقْبِلُوا الصَّلَاةَ وَأَثُوا الرَّكْنَةَ وَاعْتَصِمُوا بِاللَّهِ هُوَ مَوْلَانَكُمْ فَيَقْعُمُ الْمُؤْلَى وَيَغْمَدُ الْأَصْبَرُ ⑧	الحج	78
13	جهاد	وَجَاهُدُوا فِي اللَّهِ حَقَّ جِهَادِهِ هُوَ أَجْتَبَنَكُمْ وَمَا جَاءَ عَلَيْكُمْ فِي الَّذِينَ مِنْ حَرَجٍ مَلَأَهُمْ إِبْرَاهِيمُ هُوَ سَمَّانَكُمُ الْمُسْلِمِينَ مِنْ قَبْلُ وَفِي هَذَا لِيَكُونُ الرَّسُولُ شَهِيدًا عَلَيْكُمْ وَتَكُونُو شَهِيدَاءَ عَلَى النَّاسِ فَاقْبِلُوا الصَّلَاةَ وَأَثُوا الرَّكْنَةَ وَاعْتَصِمُوا بِاللَّهِ هُوَ مَوْلَانَكُمْ فَيَقْعُمُ الْمُؤْلَى وَيَغْمَدُ الْأَصْبَرُ ⑨	الحج	78
14	جاهدوا	إِنَّا الْمُؤْمِنُونَ الَّذِينَ ظَاهَرُوا بِاللَّهِ وَرَسُولِهِ لَمْ يَرَأُوكُمْ وَأَنفُسُهُمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ أَوْلَئِكَ هُمُ الصَّدَّيقُونَ ⑩	الحجرات	15
15	جاد	يَأَيُّهَا النَّاسُ جَهَدَ الْكُفَّارُ وَالْمُنَافِقُونَ وَأَعْلَظُ عَلَيْهِمْ وَمَا وَلَهُمْ جَهَنَّمُ وَيَسُّ الْمَصِيرُ ⑪	التحرير	9
16	تجاهدون	تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَرَسُولِهِ وَجَاهَدُونَ فِي سَبِيلِ اللَّهِ بِأَمْوَالِكُمْ وَأَنفُسِكُمْ ذَلِكُمْ خَيْرٌ لَكُمْ إِنْ كُنْتُمْ تَعْلَمُونَ ⑫	الصف	11
17	جاهدوا	يَأَيُّهَا الَّذِينَ ظَاهَرُوا أَقْفَلُوا اللَّهَ وَأَبْتَغُوا إِلَيْهِ الْوَسِيلَةَ وَجَاهَدُونَ فِي سَبِيلِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ ⑬	المائدة	35
18	بيجاهدون	يَأَيُّهَا الَّذِينَ ظَاهَرُوا مَنْ يَرْتَدِدُ مِنْكُمْ عَنِ دِينِهِ فَسَوْفَ يُأْتِي اللَّهُ بِقَوْمٍ يُجْهِبُهُمْ وَيُجْبِنُهُمْ أَذِلَّةٌ عَلَى الْمُؤْمِنِينَ أَعْزَّةٌ عَلَى الْكُفَّارِ يُجَاهِدُونَ فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَلَا يَخَافُونَ لَوْمَةَ لَا يُرِيَ ذَلِكَ فَضْلُ اللَّهِ يُؤْتِيهِ مَنْ يَشَاءُ وَاللَّهُ وَاسِعٌ عَلَيْهِ ⑭	المائدة	54
19	جهاد	وَيَقُولُ الَّذِينَ ظَاهَرُوا أَهَنُّ لَاءَ الَّذِينَ أَقْسَمُوا بِاللَّهِ جَهَدَ أَيْمَنِهِمْ إِنَّهُمْ لَمَعُكُمْ حِبْطَتْ أَعْدَلُهُمْ فَأَصْبَحُو خَسِيرِينَ ⑮	المائدة	53
20	جاهدوا	أَمْ حَسِبْتُمْ أَنْ تُنْرَكُوا وَلَنَا يَعْلَمُ اللَّهُ الَّذِينَ جَاهَدُوا مِنْكُمْ وَلَمْ يَتَخَذُوا مِنْ دُونِ اللَّهِ وَلَا رَسُولِهِ وَلَا الْمُؤْمِنِينَ وَلِيَحْجَجُوا وَاللَّهُ خَيْرٌ بِمَا تَعْمَلُونَ ⑯	التوبه	16
21	جاد	أَجَعَلْتُمْ سِقَايَةَ الْحَاجَ وَعِمَارَةَ الْمَسْجِدِ الْحَرَامَ كَمْ ءاَمَنَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَجَاهَدَ فِي سَبِيلِ اللَّهِ لَا يَسْتَوْنَ عِنْدَ اللَّهِ وَاللَّهُ لَا يَهْدِي الْقَوْمَ الظَّلَمِينَ ⑰	التوبه	19
22	جاهدوا	الَّذِينَ ظَاهَرُوا وَهَاجَرُوا وَجَاهَدُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ بِأَمْوَالِهِمْ وَأَنفُسِهِمْ أَعْظَمُ دَرَجَةً عِنْدَ اللَّهِ وَأَوْلَئِكَ هُمُ الْفَارِسُونَ ⑱	التوبه	20

23	جهاد	قُلْ إِنْ كَانَ عَابِرُكُمْ وَأَبْنَاكُمْ وَأَخْوَنَكُمْ وَأَرْجُوكُمْ وَعَشِيرَتُكُمْ وَأَمْوَالُ أَقْرَفُهُمُوا وَتِجْرِيَّةٌ تَخْشَوْنَ كَسَادَهَا وَمَسَكِينٌ تَرَضُّوْهَا أَحَبَّ إِلَيْكُم مِّنَ اللَّهِ وَرَسُولِهِ وَجَهَادٌ فِي سَبِيلِهِ فَتَرَبَّصُوا حَتَّىٰ يَأْتِيَ اللَّهُ بِأَمْرِهِ وَاللَّهُ لَا يَهْدِي الْقَوْمَ الْفَاسِقِينَ ١١	التوبية	24
24	جاهدوا	إِنْفِرُوا خَفَافًا رِثْقَالًا وَجَهَادًا بِأَمْوَالِكُمْ وَأَنفُسِكُمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ ذَلِكُمْ خَيْرٌ لَكُمْ إِنْ كُنْتُمْ تَعْلَمُونَ ٤٦	التوبية	41
25	يجاهدوا	لَا يَسْتَدِنُكُمْ الَّذِينَ يُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَآتَيْمُ الْآخِرَةَ أَنْ يُجَهِّدُوا بِأَمْوَالِهِمْ وَأَنفُسِهِمْ وَاللَّهُ عَلِيمٌ بِالْمُتَّقِينَ ٤٤	التوبية	44
26	جاد	يَأْتِيْهَا النَّئِيْجُ جَهَادُ الْكُفَّارِ وَالْمُنَافِقِينَ وَأَغْلُظُ عَلَيْهِمْ وَمَأْوَاهُمْ جَهَنَّمُ وَبَيْسَ الْمَصِيرُ ٧٣	التوبية	73
27	جُهد	الَّذِينَ يَلْمِرُونَ الْمُطَوَّعِينَ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ فِي الصَّدَقَاتِ وَالَّذِينَ لَا يَجِدُونَ إِلَّا جُهَدُهُمْ فَيَسْخَرُونَ مِنْهُمْ سَخِرَ اللَّهُ مِنْهُمْ وَلَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ ٧٩	التوبية	79
28	يجاهدوا	فَرَحَ الْمُحَلَّفُونَ بِمَقْعِدِهِمْ خَلَفَ رَسُولَ اللَّهِ رَكِبُهُوَا أَنْ يُجَهِّدُوا بِأَمْوَالِهِمْ وَأَنفُسِهِمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَقَالُوا لَا تَنْفِرُوا فِي الْحَرِّ قُلْ نَارُ جَهَنَّمَ أَشَدُ حَرًّا لَوْ كَانُوا يَفْقَهُونَ ٨١	التوبية	81
29	جاهدوا	وَإِذَا أَنْزَلْتُ سُورَةً أَنْ ءَامِنُوا بِاللَّهِ وَجَهَادُوا مَعَ رَسُولِهِ أُسْتَدِنَكُمْ أُولُوا الْأَطْوَلِ مِنْهُمْ وَقَالُوا دَرَنَا نَكُنْ مَعَ الْقَعْدِينَ ٦٥	التوبية	86
30	جاهدوا	لَكِنَ الرَّسُولُ وَالَّذِينَ ءَامَنُوا مَعَهُ وَجَهَادُوا بِأَمْوَالِهِمْ وَأَنفُسِهِمْ وَأُولَئِكَ لَهُمْ أَحْيَرُ شَيْءٍ وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ ٨٨	التوبية	88

Jadual 2: Kalimah yang berasal daripada "الجيم والهاء والدال" dalam surah-surah Madaniyyah

## 5. Analisis Kalimah Jihad di dalam al-Quran

### 5.1 Analisis Kalimah Jihad di dalam Surah *Makkiyyah*

Terdapat 11 tempat penggunaan perkataan yang berasal daripada kalimah “الْجِيْمُ وَالْمَاءُ وَالدَّالُ” di dalam surah-surah *Makkiyyah*. Namun, tiga daripadanya dikeluarkan daripada fokus kajian kerana tidak berkait dengan tajuk yang dikaji. Perkataan tersebut adalah “جَهَادٌ” yang menceritakan tentang sumpah seperti di dalam surah Fathir ayat 42, al-An’am ayat 109 dan al-Nahl ayat 38.

Berdasarkan analisis yang telah dilakukan, perkataan yang berasal daripada kalimah “الْجِيْمُ وَالْمَاءُ وَالدَّالُ” pertama kalinya digunakan oleh Allah SWT di dalam al-Quran pada surah al-Furqan ayat 52 dengan menggunakan kata kerja arahan “جَاهِدُهُمْ”. Dalam ayat ini arahan Allah SWT adalah berbentuk larangan mentaati orang kafir dan perintah jihad ke atas orang kafir tersebut. Menariknya, perintah Jihad yang bermaksud perang masih lagi belum disyariatkan ketika ini. Malah, perintah Jihad di dalam ayat ini diikat dengan perkataan “بِهِ” (dengan-“nya”). Para sahabat misalnya Ibn Abbas mentafsirkan *bihi* dengan “Jihad dengan al-Quran” atau “Jihad dengan Islam” seperti kata Ibn Zaid (al-Tabari, 2001, al-Qurtubi, 2006 & Ibn Kathir, 1999). Hal ini dijelaskan lagi oleh Abu al-Su’ud (t.t) yang mengatakan bahawa Jihad dengan al-Quran adalah seperti membacakannya sebagai peringatan serta menceritakan kisah umat-umat terdahulu dalam bentuk dakwah kepada orang kafir.

Seterusnya, kata kerja untuk Jihad juga ada digunakan di peringkat *Makkiyyah* seperti di dalam surah Luqman ayat 15 dan al-Ankabut ayat 8 dengan menggunakan kata kerja kala lepas “جَاهَدَ”. Dalam dua ayat ini, perkataan jihad digunakan dengan maksud asalnya daripada sudut bahasa iaitu berusaha. Hal ini kerana ibu bapa yang dimaksudkan di dalam ayat ini “ber-jihad” (berusaha dalam memaksa) untuk mensyirikkan anak mereka maka Allah mengarahkan untuk tidak mentaatinya (Fakhru al-Din al-Razi, 1997, al-Qurtubi, 2006, Abu al-Su’ud, t.t & Ibn Asyur, 1984). Kaitan di antara Jihad serta ibu dan bapa menunjukkan bahawa Jihad merupakan satu ibadah yang fleksibel dan tidak terikat pada peperangan sahaja bahkan wujud cabang Jihad yang lain seperti berbakti kepada ibu bapa seperti yang dijelaskan oleh Nabi SAW saat datang seorang lelaki (yang masih mempunyai ibu dan bapa) memohon keizinan untuk turut serta dalam peperangan, Baginda SAW berkata: “Pada mereka berdua kamu berjihad” (Sahih al-Bukhari (2002): Kitab *al-Jihad Wa al-Siyar*, Bab *al-Jihad bi Izni al-Abawayn*).

Perkataan Jihad di dalam al-Quran terbukti lebih luas dan tidak terhad kepada berperang melalui surah al-Ankabut ayat 6. Perkataan jihad muncul dalam bentuk kata kerja kala lepas “جَاهَدَ”

dan kata kerja kala kini “جَاهَدٌ”. Para ulama tafsir seperti Ibn ‘Athiyah (1982), Fakhru al-Din al-Razi (1997), Ibn Kathir (1999) dan Abu al-Su’ud (t.t) menafsirkan Jihad di sini sama erti dengan beramal. Justeru, maksud ayat “*siapa yang berjihad maka dia berjihad untuk diri sendiri*” difahami dengan maksud siapa yang melakukan amalan maka pahala amalan tersebut adalah untuk diri sendiri.

Sehingga kini, perkataan yang berasal daripada “الْجِيْمُ وَالْمَاءُ وَالدَّالُ” tidak menyentuh aspek peperangan sama sekali bahkan menggambarkan Jihad dengan maksud bukan membunuh atau menggunakan perkataan Jihad dengan maksud asalnya seperti yang digunakan oleh masyarakat arab dulu iaitu berusaha. Namun di dalam surah al-Nahl ayat 110 serta al-Ankabut ayat 69, para ulama tafsir mengatakan bahawa jihad di situ bermaksud peperangan. Al-Tabari (2001) mengatakan jihad dengan tangan atau pedang manakala Ibn ‘Athiyah (1982) dan al-Qurtubi, (2006) mengatakan jihad bermaksud membunuh. Walaubagaimanapun, sepertimana yang ditegaskan sebelum ini bahawa pada peringkat ini syariat jihad bermaksud peperangan masih belum diturunkan lagi. Hal ini dikuatkan lagi dengan kenyataan yang sama daripada Ibn ‘Athiyah (1982) dan Ibn Asyur (1984). Justeru, terdapat juga para ulama yang mentafsirkannya dengan maksud Jihad dengan lisan (Dakwah), Jihad mencari keredhaan Allah SWT, Jihad melawan nafsu amarah dan Jihad melawan syaitan (al-Tabari, 2001, Ibn ‘Athiyah, 1982 & Abu Hayyan, 1992).

## 5.2 Analisis Jihad dalam Surah *Madaniyyah*

Secara rasionalnya, jihad yang bermaksud peperangan dengan senjata seharusnya lebih banyak disebut didalam ayat *Madaniyyah* berbanding ayat *Makkiyyah*. Hal ini kerana ia hanya disyariatkan di Madinah pada tahun kedua hijrah melalui surah al-Haj ayat 39 (al-Tabari, 2001 & Wahbah al-Zuhaili, 2002). Peperangan juga telah memansuhkan perintah berdamai di Mekah dan ianya sendiri tidak dimansuhkan sehingga hari kiamat (Muhammad Sodiq Khan, 1992).

Pada sudut kuantiti, perkataan yang berasal daripada “الْجِيْمُ وَالْمَاءُ وَالدَّالُ” di dalam surah *Madaniyyah* secara umumnya adalah lebih banyak bilangannya berbanding surah *Makkiyyah*. Terdapat 30 perkataan yang berasal daripada “الْجِيْمُ وَالْمَاءُ وَالدَّالُ” di dalam surah *Madaniyyah* berbanding 11 perkataan di dalam surah *Makkiyyah*. Namun sepertimana dalam surah *Makkiyyah*, 2 ayat iaitu surah al-Nur ayat 53 dan surah al-Maidah ayat ke 53 terkeluar daripada topik perbahasan kerana membincangkan perkataan “جَهَادٌ”

Perkataan pertama yang berasal daripada “الْجِيْمُ وَالْمَاءُ وَالدَّالُ” dalam ayat *Madaniyyah* boleh didapati dalam surah al-Baqarah ayat 218 dengan lafaz “جَاهَدُوا”. Perkataan ini memberi maksud berperang (al-Tabari, 2001 & Fakhru al-Din al-Razi, 1997) dan ianya diturunkan bersempena

dengan kisah yang berlaku pada Abdullah Bin Jahsy dan rakan-rakannya. Ayat ini mengakui bahawa mereka memperoleh pahala hijrah dan berperang di jalan Allah SWT (al-Qurtubi, 2006). Fakhru al-Din al-Razi (1997) di dalam tafsirnya turut memberi penafsiran lain selain berperang bagi perkataan tersebut iaitu saling berganding bahu menegakkan agama Allah SWT. Tafsiran sedemikian yang turut digunakan oleh Rasyid Redha (1999) dalam al-Manar milik beliau, memberi satu makna yang lebih am dan merangkumi makna berperang itu sendiri. Walaubagaimanapun, ia kelihatan tidak selari dengan konteks disebalik kisah penurunan ayat itu.

Perkataan “جاهدوا” turut disebut di dalam surah al-Anfal ayat 72, 74 dan 75, surah Alu Imran ayat 142, surah al-Hujurat ayat 15 dan al-Taubah ayat 16, 20 dan 88. Kesemua ayat ini tidak lepas daripada tafsiran berperang pada jalan Allah SWT malah majoriti mufassir mentafsirkannya sebagai perang seperti di dalam ayat 16 surah al-Taubah (al-Tabari, 2001, al-Qurtubi, 2006, Fakhru al-Din al-Razi, 1997 & Ibn al-Kathir, 1999). Wahbah al-Zuhaili (2002) dalam mentafsirkan ayat 142 surah Alu Imran pula menyebut jenis-jenis jihad yang lain antaranya ialah jihad nafsu, memerangi syaitan dan berjihad dengan harta selain daripada jihad peperangan yang menjadi fokus ayat ini. Rasyid Redha (1999) pula berpandangan bahawa apabila jihad disebut di dalam al-Quran maka ianya membawa makna dari sudut bahasa yang am, iaitu termasuk jihad nafsu dan harta.

Kata kerja kala lepas “جاهد” dalam surah al-Taubah ayat 19 pula pada zahirnya bermaksud berperang pada jalan Allah SWT. Hal ini kerana setelah turunnya ayat ini, Abbas berhasrat untuk meninggalkan amalan memberi minum kepada orang yang mengerjakan haji namun ianya ditegah Rasulullah SAW. Jika apa yang dimaksudkan dengan “جاهد” sebagai jihad am yang termasuk berjihad dengan harta maka tidak perlulah dia merasakan perlu meninggalkan amalannya itu kerana ia sendiri termasuk dalam konteks ayat. Pendapat ini disokong oleh riwayat yang mengatakan ianya turun bersempena dengan kisah Ali, Abbas dan Syaibah yang menggambarkan Abbas berbangga dengan amalannya memberi minum orang haji, Syaibah berbangga kerana amalannya menghidupkan masjid al-Haram manakala Ali berbangga dengan Islam dan Jihad. Maka turunlah ayat ini yang menyokong amalan Ali berbanding amalan mereka, khususnya apa yang dilakukan mereka itu ialah sebelum Islam (al-Tabari, 2001, Ibn ‘Athiyah, 2001 & al-Qurtubi, 2006).

Kalimah “جاهد” dengan lafaz *mudhari*’ seperti “يُجاهِدون” و “يُجاهِدُنَا” dan “يُجاهِدُ” pula masing-masing boleh didapati dalam surah al-Soff ayat 11, al-Maidah ayat 54, al-Taubah ayat 44 dan 81. Ayat 81 al-Taubah adalah yang paling jelas membawa maksud perang bersempena dengan perang Tabuk. Seterusnya ia diikuti dengan ayat 54 daripada surah al-Maidah dan ayat 44 surah al-Taubah (al-Tabari, 2001, Fakhru al-Din al-Razi, 1997, al-Qurtubi, 2006, Ibn Kathir, 1999, Rasyid Redha, 1999 & Ibn ‘Asyur, 1984). Adapun dalam tafsiran surah al-Soff ayat 11, kebanyakan mufassir melainkan Ibn ‘Asyur (1984) yang tidak memperincikan apakah yang dimaksudkan dengan

“جَاهِدُونْ” dan hanya berpada dengan mengatakan harta dan diri adalah antara instrumen jihad sesuai dengan konteks ayat (al-Tabari, 2001 & Fakhru al-Din al-Razi, 1997).

Bagi lafaz suruhan untuk perkataan “جَاهِدٌ” pula, ia boleh didapati di dalam surah al-Haj ayat 78, al-Tahrim ayat 9, al-Maidah ayat 35, al-Taubah ayat 41, 73 dan 86. Ia hadir kebanyakannya dalam bentuk “جَاهِدُوا” seperti di dalam semua ayat di atas kecuali ayat 9 surah al-Tahrim dan ayat 73 al-Taubah yang hadir dalam bentuk “جَاهِدٌ”. Ayat-ayat ini membawa perintah memerangi orang kafir, namun ada juga yang berpendapat bahawa jihad pada ayat 78 surah al-Haj adalah bersungguh dalam melaksanakan semua perintah Allah SWT dan meninggalkan larangannya atau menafsirkannya dengan maknanya yang am seperti jihad hawa nafsu, jihad melawan syaitan dan jihad berperang. (al-Tabari, 2001, Fakhru al-Din al-Razi, 1997, al-Qurtubi, 2006, Abu Hayyan, 1992, Ibn Kathir, 1999, Ibn ‘Asyur, 1984, Abu al-Su’ud, tt, Rasyid Redha, 1999 & Wahbah al-Zuhaili, 2002). Al-Qurtubi (2006) turut tidak ketinggalan menambah bahawa memberi peringatan kepada orang kafir dan berdoa kepada Allah adalah termasuk jenis jihad ke atas mereka didalam tafsirannya terhadap ayat 9 surah al-Tahrim. Jihad ke atas munafik seperti dalam ayat 9 surah al-Tahrim dan ayat 73 surah al-Taubah pula disisi majoriti mufassir adalah menegakkan hujah ke atas mereka, menerangkan keadaan mereka di akhirat kelak dan melaksanakan hukuman hudud terhadap kaum munafik (al-Tabari, 2001, Fakhru al-Din al-Razi, 1997, Ibn ‘Athiyah, 2001, Ibn ‘Asyur, 1984 & Wahbah al-Zuhaili, 2002).

Bagi kategori *masdar*, perkataan yang menjadi tumpuan iaitu “جَهَادٌ” disebut dalam Surah Mumtahinah ayat 1 dengan lafaz “جَهَادًا”，surah al-Taubah ayat 24 dengan lafaz “جَهَادٍ” dan surah al-Haj ayat 78 dengan lafaz “جَهَادٍ”。 Kedua-dua lafaz yang pertama ini tidak ditafsirkan dengan lebih terperinci oleh para mufassir seperti al-Tabari (2001), Fakhru al-Din al-Razi (1997), al-Qurtubi (2006) Ibn Kathir (1999) dan Rasyid Redha (1999). Namun melalui konteks ayat kita dapat fahami bahawa “جَهَادًا” dalam surah al-Mumtahinah adalah berperang di jalan Allah. Hal ini kerana ianya digandingkan dengan perkataan “حَرْجُثُمْ”。 Manakala ayat 24 al-Taubah pula, hanya Abu Su’ud (t.t) yang menyebut secara jelas bahawa ianya bermaksud memerangi musuh Allah dan rasul-Nya. Manakala kalimah “جَهَادٍ” pada Ayat 78 surah al-Haj pula tidak syak lagi membawa maksud jihad berperang sesuai dengan makna kata kerja arahan “جَاهِدُوا” di awal ayat.

Kata nama pelaku daripada perkataan “جَاهِدٌ” hanya hadir pada dua ayat Madaniyyah iaitu ayat 95 surah al-Nisa’ dengan lafaz “جَاهِدُونْ” dan Muhammad ayat 31 dengan lafaz “جَاهِدِينْ”。 Kedua-dua lafaz ini ditafsirkan sebagai mereka yang berperang pada jalan Allah SWT. (al-Tabari,

2001 & Rasyid Redha, 1999). Tafsiran pada ayat 95 surah al-Nisa' bersetujuan dengan hadis yang menceritakan bahawa pada mulanya ayat ini diturunkan tanpa perkataan “عَيْرُ إِوْلَى الصَّرَرِ”. Namun apabila Ibnu Ummi Maktum memohon keringanan daripada Nabi SAW daripada terlibat dengan jihad kerana buta maka turunlah pengecualian dengan lafadz tersebut. Jika yang dimaksudkan adalah jihad dengan makna yang lebih luas dengan harta dan diri maka tidak sepatutnya Ibnu Ummi Maktum risau akan keadaan dirinya sehingga perlu memohon keringanan kerana beliau tetap mampu melakukan jihad itu seperti orang lain bahkan dalam satu riwayat beliau menyebut jika dia mampu berjihad dia akan berjihad. Keadaan ini menguatkan lagi tafsiran bahawa mujahidin di sini ialah mereka yang berperang pada jalan Allah SWT. (al-Tabari, 2001).

## 6. Kesimpulan

Berdasarkan kajian yang dilakukan, dapat dijelaskan bahawa ilmu *Makki* dan *Madani* mempunyai kerelevan yang signifikan dalam Ilmu Syariah. Hal ini dapat dilihat melalui kajian yang telah dijalankan ke atas pensyariatan jihad. Terdapat 41 tempat yang merekodkan perkataan yang berasal daripada “الجِيمُ وَالْمَاءُ وَالدَّالُ”. 11 daripadanya terletak di dalam surah-surah *Makkiyyah* manakala 30 berada di dalam surah-surah *Madaniyyah*. Para mufassir telah berjaya membuktikan bahawa terdapat evolusi dalam pensyariatan jika dicermati perkembangannya melalui *Makki* dan *Madani*. Jihad yang pada asalnya lahir dalam bentuk berdakwah dan digunakan dengan maksud selain perang kemudiannya berkembang daerahnya kepada peperangan tanpa meninggalkan maksud asal. Justeru, jihad sekiranya difahami secara holistik merangkumi semua amalan baik yang dilakukan demi menegakkan agama Allah SWT sama ada melalui peperangan ataupun tidak. Fahaman ini terbukti syumul dan bertepatan dengan Maqasid Syariah yang ditetapkan oleh Allah SWT demi menjamin kemaslahatan buat umat manusia.

## Rujukan

- ‘Alaa al-Din al-Kasani. (1982). *Badai’ al-Sanai’ fi Tartib al-Syarai’*. Dar al-Kitab al-‘Arabi.
- Abd al-Rahman Bukili. (2015). *Mafhum al-Jihad fi al-Quran wa al-Hadith*. Rabat: Top Press.
- Abd al-Raud al-Manawi, Zain al-Din Muhammad. (1990). *Al-Tawqif ‘ala Muhimmat al-Ta’rif*. Kaherah: ‘Alim al-Kutub Abd al-Khalil.
- Abd al-Salam bin Salim al-Sahimi. (2008). *Al-Jihad fi al-Islam: Mafhumuhu wa Dhawabituhu wa Anwa’uhu wa Ahdafuhu*. Maktabah Dar al-Nasihah.
- Abu al-Su’ud Muhammad bin Muhammad. (t.t). *Irsyad al-‘Aql al-Salim Ila Mazaya al-Kitab al-Karim*. Dar al-Mashaf: Maktabah wa Matba’ah Abd al-Rahman Muhammad – Kaherah.
- Abu Bakar al-Baqilani, Muhammad bin al-Tayyib. (2001). *Al-Intisor li al-Quran*. Beirut: Dar al-Fath.
- Abu Hayyan, Muhammad bin Yusuf. (1992). *Al-Bahru al-Muhit*. Kaherah: Dar al-Kitab al-Islami.
- Abu Ja’far, Muhammad bin Jarir al-Tabari. (2001). *Jami’ al-Bayan ‘An Taawil Aay al-Quran*. Pentahqiq: Dr. Abdulllah bin Abd al-Muhsin al-Turki. Dar Hibr: Markaz al-Buhuth wa al-Dirasat al-‘Arabiyyah wa al-Islamiyyah.
- Al-Bukhari, Abu Abdillah Muhammad bin Ismail. (2002). *Sahih al-Bukhari*. Beirut: Dar Ibnu Kathir.
- Al-Dumyati, Abu Bakar ‘Uthman bin Muhammad. (1997). *I’annah al-Talibin*. Dar al-Fikr Li al-Taba’ah wa al-Nasyr wa al-Tawzi’.
- Al-Jurjani, ‘Ali bin Muhammad. (1979). *Al-Ta’rifat*. Pentahqiq: Abd al-Salam Muhammad Harun. Dar al-Fikr.
- Al-Quran al-Karim.
- Al-Qurtubi, Abu Abdillah Muhammad bin Ahmad. (2006). *Al-Jami’ Li Ahkam al-quran*. Rabitat al-‘Alam al-Islami.
- Al-Raghib al-Asfahani, Abu al-Qasim al-Husayn. (1991). *Al-Mifradat fi Gharib al-Quran*. Pentahqiq: Safwan ‘Adnan al-Dawudi. Beirut: Dal al-Qalam.
- Al-Suyuti, Abd al-Rahman Bin Abi Bakar. (1974). *Al-Itqan fi Ulum al-Qur’an*. Al-Hai’ah al-Misriyyah al-‘Ammah li al-Kitab.
- Al-Syazuli, Abu al-Hasan ‘Ali bin Muhammad. (1991). *Kifayah al-Talib al-Rabbani*. Pentahqiq: Yusuf al-Syeikh Muhammad al-Baqai’. Dar al-Fikr.
- Al-Zarkasyi, Abu ‘Abdillah Badr al-Din Muhammad Bin Abdulllah. (1957). *Al-Burhan fi ‘Ulum al-Quran*. Mesir: Dar Ihya’ al-Kutub al-‘Arabiyyah ‘Isa al-Babi al-Halabi wa Syuraka’uhu.
- Al-Zarqani, Muhammad Abd al-Azim. (1943). *Manahil al-Irfan fi Ulum al-Qur’an*. Mesir: Matba’ah ‘Isa al-Babi al-Halabi wa Syarikahu. (Cetakan ketiga)
- Fadhal Hassan ‘Abbas. (1997). *Itqan Al-Burhan Fi ‘Ulum Al-Quran*. Amman: Darul Furqan.
- Fakhru al-Din al-Razi, Abu Abdillah Muhammad bin ‘Umar. (1997). *Mafatih al-Ghaib / Al-Tafsir al-Kabir*. Beirut: Dal al-Kutub al-‘Ilmiah.
- Ibn ‘Asyur, Muhammad al-Tahir. (1984). *Al-Tahrir wa al-Tanwir*. Tunisia: al-Dar al-Tunisiah Li al-Nasyr.

- Ibn Faris, Abu al-Husayn Ahmad. (1979). *Maqayis al-Lughah*. Pentahqiq: Abd al-Salam Muhammad Harun. Dar al-Fikr.
- Ibn Hazm, 'Ali Bin Ahmad. (1986). *Al-Nasikh wa al-Mansukh*. Tahkik: Dr. Abdu al-Ghaffar Sulaiman al-Bandari. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiah.
- Ibn Manzur, Abu al-Fadhl Jamaluddin Muhammad. (1994). *Lisan al-'Arab*. Beirut: Dar Sodir.
- Ibnu 'Athiyah, Abu Muhammad Abd al-Haq bin Ghalib. (1982). *Al-Muharrar al-Wajiz fi Tafsir al-Kitab al-'Aziz*. Pentahqiq: Abdullah bin Ibrahim al-Ansari & al-Sayyid Abd al-Ma'al al-Sayyid Ibrahim. Cetakan Negara Qatar.
- Ibnu al-Athir, Majd al-Din Abu al-Sa'adat al-Mubarak. (1979). *Al-Nihayah fi Gharib al-Hadith wa al-Athar*. Beirut: al-Maktabah al-'Ilmiyyah.
- Ibnu Kathir, Abu al-Fidaa Ismail bin 'Umar. (1999). *Tafsir al-Quran al-'Azim*. Pentahqiq: Sami bin Muhammad Salamah. Dar Toyyibah Li al-Nasyr wa al-Tawzi'.
- Ibnu Mufligh, Abu Ishaq Burhan al-Din Ibrahim. (2003). *Al-Mubdi' Syarh al-Muqni'*. Dar 'Alim al-Kutub al-Riyadh.
- Muhammad Bakar Ismail. (2002). 'Al-Makki wa al-Madani' dalam *Al-Mausu'ah al-Qur'aniyyah al-Mutakhossisah*. Mesir: al-Majlis al-A'la li al-Syu'un al-Islamiyyah.
- Muhammad Faruq al-Nubhan. (2005). *al-Madkhal ila 'Ulum al-Qur'an*. Halab: Dar 'Alim al-Qur'an.
- Muhammad Hasan Sa'id Banjar. (t.t). *Al-Jihad wa Al-Salam fi Zarwah al-Islam*. Dar al-Fikr al-'Arabiyyah.
- Muhammad Rasyid bin 'Ali Redha. (1999). *Tafsir al-Manar*. Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Muhammad Sodiq Khan Bin Hasan. (1992). *Fath al-Bayan fi Maqosid al-Qur'an*. Beirut: al-Maktabah al-'Asriyyah li al-Tiba'ah wa al-Nasyr.
- Muslim bin al-Hajjaj. (2006). *Sahih Muslim*. Dar Tayyibah.
- Saif al-Din Abd al-Fattah, (t.t), al-Tajdid. Himpunan 'Ali bin Naif al-Syahud, *Mausu'ah al-Radd 'ala al-Mazahib al-Fikriyyah al-Mu'asiroh*.
- Subhi Salleh. (2000). *Mabahith fi 'Ulum al-Qur'an*. Dar al-'Ilm li al-Malayin.
- Wahbah al-Zuhaili. (2002). *Al-Tafsir al-Munir*. Dar al-Fikr.